

Dialog Orang Muda

Dialog Orang Muda (DOM) - Pelan Pembangunan Pendidikan: Racun atau Madu akan berlangsung di Rumah PENA, Jalan Dewan Bahasa, Kuala Lumpur, pada 21 Oktober ini, jam 10.30 pagi.

Tiga ahli panel DOM kali ini ialah Calon Sarjana Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Muhammad Zarif Hassan; Pensyarah Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya (UM), Mohd Arif Atan Guru dan Pengasas Teach for The Needs (TfTN), Zul Fikri Zamir, manakala Muhammad Lutfi Ishak sebagai pemudah cara.

DOM adalah acara bulan anjuran bersama PENA dan Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) dibuka kepada orang ramai, manakala maklumat lanjut layari *facebook* dan blog PENA.